

PROMOSI DEPOSIT TETAP/-i GABUNGAN DENGAN AKAUN SEMASA ATAU SIMPANAN/-i

Dikemaskini pada 15 Mei 2019

TEMPOH PROMOSI

“Promosi Deposit Tetap/-i Gabungan dengan Akaun Semasa atau Simpanan/-i” (“Promosi”) oleh Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) / Hong Leong Islamic Bank Berhad’s (686191-W) (“HLISB”) bermula pada 18 Mei 2019 dan berakhir pada 30 Jun 2019, termasuk kedua-dua tarikh atau apabila mencapai saiz dana masing-masing (“Had Saiz Dana”) seperti yang diperuntukkan dalam jadual di bawah mengikut mana yang terdahulu (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

| Deposit Tetap (“FD”) | Had Saiz Dana |
|-------------------------|---------------|
| Deposit Tetap 3-bulan | RM1.8 Billion |
| Deposit Tetap-i 3-bulan | RM200 Juta |
| Deposit Tetap 6-bulan | RM2.6 Billion |
| Deposit Tetap-i 6-bulan | RM300 Juta |

TERMA & SYARAT

Terma dan Syarat berikut adalah terpakai untuk Promosi di bawah:-

KELAYAKAN

- Promosi ini terbuka kepada semua pelanggan yang baru and sedia ada yang merupakan individu atau bukan individu warga Malaysia dan individu atau bukan individu bukan warga Malaysia (“Pelanggan”).
- Bagi mengelakkan sebarang keraguan:
 - Pelanggan baru bermaksud pelanggan yang tidak mempunyai sebarang Produk dengan HLB / HLISB sebelum Tempoh Promosi.
 - Pelanggan sedia ada bermaksud pelanggan yang mempunyai sebarang Produk dengan HLB / HLISB sebelum Tempoh Promosi.
 - Pelanggan bukan individu bermaksud persatuan, kelab, sekolah, pertubuhan, organisasi tidak berasaskan keuntungan, pemilikan tunggal, perkongsian dan amalan profesional yang sempurna didaftarkan atau diperbadankan di Malaysia, tidak termasuk syarikat dan badan korporat.
- Akaun Deposit Tetap / Deposit Tetap-i (“Akaun FD / FD-i”) sertaan untuk Promosi ini adalah seperti berikut:-
 - FD Konvensional;
 - ‘Priority Banking Premium FD’;
 - ‘Senior Savers Flexi FD’; dan
 - Deposit Tetap-i
- Promosi ini sah bagi Dana Baru sahaja. “Dana Baru” ditakrifkan sebagai:
 - Wang tunai, ‘Financial Process Exchanges’ (“FPX”), pindahan segera, GIRO antara bank, dana baru yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain dan deposit ke dalam Akaun FD / FD-i yang baru dan sedia ada dimiliki oleh Pelanggan dan dibuka dengan HLB / HLISB. Untuk tujuan ini, dana baru mesti diletakan dan didepositkan ke dalam Akaun FD / FD-i yang baru dan sedia ada Pelanggan dalam tempoh tujuh (7) hari dari pemindahan ke HLB / HLISB; dan
 - Hasil daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon / sukuk dan / atau ‘Hong Leong Invest Safe’ semasa Tempoh Promosi yang dideposit semula ke dalam mana-mana Akaun Semasa atau Simpanan (“CASA”) / Akaun Semasa atau Simpanan-i (“CASA-i”) HLB / HLISB Pelanggan.
- Yang berikut tidak boleh dianggap sebagai “Dana Baru”:
 - FD / FD-i yang matang atau pengeluaran pramatang FD / FD-i dari mana-mana akaun FD HLB / FD-i HLISB yang sedia ada;
 - Pindahan dana antara bank, iaitu pemindahan dana dari akaun HLB / HLISB yang lain (sama ada Akaun Simpanan, Simpanan-i, Semasa, Semasa-i, FD, FD-i, Akaun Pelaburan Berjangka-i, Akaun Pelaburan Am (“GIA”)); dan
 - Pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan pihak ketiga (ke-3).
- Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa penipuan atau kesalahan berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB / HLISB atau telah diisytiharkan mufliis atau bakal dikenakan prosiding kemufliisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi **TIDAK** layak menyertai Promosi ini.

7. Pelanggan yang telah melakukan, atau dikenalpasti oleh HLB / HLISB berpotensi melakukan apa-apa kesalahan yang ditetapkan di dalam Terma & Syarat ini akan serta-merta terlucah kelayakan daripada menyertai Promosi ini.

KAEDAH PROMOSI

8. Untuk menikmati kadar promosi FD / FD-i di bawah, Pelanggan perlu membuat peletakan deposit di antara Amaun Peletakan Minimum dan Amaun Peletakan Maksimum (“Amaun Peletakan”) bersama-sama ke dalam akaun yang baru and sedia ada masing-masing seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah:-
- Akaun FD / FD-i sertaan dengan 3-bulan atau 6-bulan tempoh FD / FD-i; dan
 - Akaun CASA / CASA-i dengan minimum peruntukan selama 3 bulan bagi FD / FD-i 3-bulan atau 6 bulan untuk FD / FD-i 6-bulan

| Produk | Tempoh FD / FD-i | Kadar Promosi FD / FD-i ¹ | Effective Rate ² | Amaun Peletakan FD / FD-i | Amaun Peletakan CASA / CASA-i ³ |
|---|------------------|--------------------------------------|--------------------------------------|---|--|
| FD Konvensional / FD-i | 3-bulan | 4.90% setahun | 3.84% setahun sehingga 3.86% setahun | Minimum: RM10,000 Maksimum: RM2 Juta | Minimum: RM2,700 Maksimum: RM1,000,000 (diperuntuk selama 3 bulan) |
| FD Konvensional / 'Priority Banking Premium' FD / 'Senior Savers Flexi' FD / FD-i | 6-bulan | 5.00% setahun | 3.92% setahun sehingga 3.94% setahun | | Minimum: RM2,700 Maksimum: RM1,000,000 (diperuntuk selama 6 bulan) |

¹ Sekira terdapat perubahan kepada Kadar Dasar Semalaman (OPR), Kadar Promosi akan disemak semula.

² Kadar Efektif berbeza mengikut Amaun Peletakan FD / FD-i, Amaun Peletakan CASA / CASA-i dan jenis CASA / CASA-i Namaan. Sekira terdapat perubahan kepada OPR, Kadar Efektif akan disemak semula.

³ Amaun Peletakan CASA / CASA-i berbeza mengikut Amaun Peletakan FD / FD-i dan jenis CASA / CASA-i Namaan.

Contoh 1: Pelanggan A meletakkan RM10,000 ke dalam 3-bulan FD dan RM2,700 ke dalam Akaun Pay&Save (kadar faedah: 0.00%p.a.), diperuntukkan selama 3 bulan. Kadar Efektif ialah 3.86%p.a.

Contoh 2: Pelanggan B meletakkan RM10,000 ke dalam 6-bulan FD-i dan RM2,900 ke dalam Akaun Simpanan Asas-i (kadar keuntungan: 0.25%p.a.), diperuntukkan selama 6 bulan. Kadar Efektif ialah 3.93%p.a.

Untuk tujuan promosi ini, pelanggan yang menepati semua kriteria dalam clausa 8 akan dirujuk sebagai “Pelanggan Layak”.

9. Amaun Peletakan FD / FD-i Minimum ialah **Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000)** dan Amaun Peletakan FD / FD-i Maksimum ialah **Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2,000,000)**. Jika Amaun Peletakan FD / FD-i melebihi Amaun Peletakan Maksimum yang ditetapkan atau Had Saiz Dana masing-masing seperti yang dinyatakan di atas dicapai, Amaun Peletakan FD / FD-i yang melebihi Amaun Peletakan Maksimum yang ditetapkan atau Had Saiz Dana akan tertakluk kepada kadar FD / FD-i semasa seperti yang ditentukan oleh HLB / HLISB.
10. Untuk menikmati Kadar FD / FD-i Promosi, Pelanggan Layak dikehendaki mendeposit amaun dinyatakan dalam Klausula 8 di atas ke dalam salah satu CASA / CASA-i atas nama Pelanggan Layak (“CASA / CASA-i Namaan”) seperti berikut dan diperuntukkan selama 3 bulan berturut-turut bagi FD / FD-i 3-bulan and 6 bulan berturut-turut bagi FD / FD-i 6 bulan (“Tempoh Peruntukan”) :
- Akaun Simpanan Asas Hong Leong
 - Akaun Simpanan Hong Leong
 - Akaun Simpanan Senior Savers Hong Leong
 - Akaun Simpanan Harvest Hong Leong
 - Akaun Pay&Save Hong Leong
 - Akaun Smartlink Hong Leong
 - Akaun Top Yield Hong Leong
 - Akaun One Hong Leong
 - Akaun Semasa Asas Hong Leong
 - Akaun Semasa Hong Leong
 - Akaun Simpanan-i Asas Hong Leong
 - Akaun Simpanan-i Hong Leong
 - Akaun Simpanan-i Multi-tier Hong Leong;
 - Akaun Pay&Save-i Hong Leong
 - Akaun Semasa One-i Hong Leong

11. Peletakan dan peruntukkan CASA / CASA-i hendaklah dibuat serentak dengan Peletakan FD / FD-i semasa Tempoh Promosi. Jika Peletakan CASA / CASA-i dan / atau Peletakan FD / FD-i dibatalkan, dikeluarkan (sepenuh atau sebahagian) atau dikeluarkan dalam Tempoh Peruntukan dan / atau dalam tempoh FD / FD-i atas apa jua sebab maka kadar semasa FD / FD-i akan digunapakai.
12. Kadar faedah / keuntungan yang diperolehi bagi FD Konvensional, 'Priority Banking Premium' FD, dan FD-i akan dikreditkan ke dalam CASA / CASA-i Namaan Pelanggan Layak pada tarikh matang. Manakala kadar faedah yang diperolehi bagi 'Senior Savers Flexi FD' akan dikreditkan ke dalam CASA Namaan Pelanggan Layak pada setiap bulan.
13. Apabila tarikh matang, Amaun pokok Peletakan FD / FD-i akan diperbaharui secara automatik pada kadar semasa FD / FD-i masing-masing dan kadar faedah / keuntungan yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam CASA / CASA-i Namaan Pelanggan Layak pada setiap bulan.
14. Bagi 'Priority Banking Premium FD' dan 'Senior Savers Flexi FD', pengeluaran sebahagian Amaun FD dibenarkan dalam gandaan **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000) sahaja**. Walau bagaimanapun, jika baki dalam 'Priority Banking Premium FD', dan / atau 'Senior Savers Flexi FD' kurang daripada **Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut. Walau bagaimanapun, Peletakan CASA mesti dikekalkan dalam Tempoh Peruntukan.
15. Pengeluaran sebahagian Amaun Peletakan FD Konvensional dibenarkan dalam gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) sahaja**. Jika, baki dalam FD Konvensional kurang daripada **Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut. Walau bagaimanapun, Peletakan CASA mesti dikekalkan dalam Tempoh Peruntukan.
16. Pengeluaran sebahagian Amaun Peletakan FD-i dibenarkan dalam amaun minimum **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)** dengan gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) sahaja**. Jika, baki dalam FD-i kurang daripada **Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut. Walau bagaimanapun, Peletakan CASA-i mesti dikekalkan dalam Tempoh Peruntukan.
17. Jika Amaun Peletakan FD / FD-i dikeluarkan sebelum tarikh matang, faedah / keuntungan tidak akan dibayar bagi amaun pengeluaran sebahagian dan pengeluaran pramatang FD / FD-i.
18. Amaun Peletakan FD / FD-i tidak boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan menjamin apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan Layak.
19. Promosi ini tidak disahkan dengan promosi-promosi lain yang ditawarkan oleh HLB / HLISB dari semasa ke semasa.

UMUM

20. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan besetuju:
 - (i) telah membaca, memahami dan mematuhi Terma & Syarat Promosi dan Terma & Syarat Umum Bagi Akaun;
 - (ii) keputusan HLB / HLISB atas semua hal berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad dan terikat ke atas semua Pelanggan Layak dan sebarang surat-menyurat dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLB / HLISB tidak akan dilayan;
 - (iii) mengakses Laman Sesawang HLB www.hlb.com.my / Laman Sesawang HLISB www.hlisb.com.my ("Laman Sesawang HLB / HLISB") secara kerap untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma & Syarat;
 - (iv) faedah / keuntungan yang diperolehi tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit, cek ataumanfaat semacamnya; dan
 - (v) bertanggungjawab dan menanggung sendiri semua cukai berkenaan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi ini.
21. HLB / HLISB berhak:
 - (i) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak atas apa jua sebab yang dianggap wajar oleh HLB / HLISB menurut budi bicara mutlaknyanya, daripada menyertai Promosi ini tanpa memberi sebarang sebab; dan
 - (ii) membatalkan faedah / keuntungan yang diperolehi sekiranya Pelanggan Layak tidak mematuhi Terma & Syarat Promosi dan Terma & Syarat Umum Bagi Akaun.
22. Terma & Syarat di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun, maka Terma dan Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.

23. Jika terdapat percanggahan antara terma dan syarat dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi ini, maka terma dan syarat muktamad dalam Laman Sesawang HLB / HLISB akan diutamakan.
24. Terma & Syarat ini tertakluk kepada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia secara eksklusif.
25. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

Produk Deposit / Deposit-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.